

24 JAN 2003

PKSN PERKENAL 15 MODUL UNTUK PERTINGKAT KEFAHAMAN REMAJA

GUA MUSANG, 24 Jan (Bernama) -- Program Khidmat Sosial Negara (PKSN) memperkenalkan 15 modul pada tahun ini bagi memberi rangsangan baru kepada remaja untuk mengikuti program berkenaan.

Timbalan Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Kelantan, Mohamad Abdul Rahman berkata modul itu sebagai asas pendekatan penting untuk meningkatkan kefahaman remaja mengenai cabaran hidup masa kini dan alaf baru.

"Pihak kami mensasarkan 36 pakej dengan menetapkan asas kehidupan berlandaskan agama Islam yang menjurus ke arah remaja berilmu dan bertakwa," katanya ketika berucap pada majlis perasmiaan PKSN peringkat daerah Gua Musang di Kampung Limau Kasturi, dekat sini, semalam.

Majlis itu dirasmikan oleh Anggota Parlimen Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah.

Mohamad berkata program berkenaan akan menyesuaikan psikologi remaja dengan membentuk tumpuan pembelajaran dan pendekatan bersepadu menggabungkan seluruh aspek kualiti manusia dan kemanusiaan.

"PKSN boleh menjana semangat perpaduan bagi mengurangkan ketegangan dan perbezaan sama ada bangsa dan agama," katanya.

-- BERNAMA

AI BD RHM

<<<EDND>>>

24 JAN 2003

Ling-Penerbangan/I

M'SIA DAN INDIA AKAN TINGKATKAN KEKERAPAN DAN KAPISITI PENERBANGAN

PUTRAJAYA, 24 Jan (Bernama) -- Malaysia dan India, yang baru menangani perjanjian penerbangan semalam, bakal menyaksikan peningkatan 50 peratus penerbangan penumpang daripada segi kekerapan dan kapisiti antara kedua-dua negara, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Perjanjian itu yang ditandatangani di Mumbai, akan mengorak langkah bagi peningkatan dalam aktiviti perdagangan dan pelancongan antara kedua-dua negara.

Perjanjian itu akan menyaksikan tambahan penerbangan dari Lapangan terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ke Mumbai, pusat komersial di India, daripada empat penerbangan seminggu sekarang kepada enam penerbangan seminggu.

"Perjanjian itu juga memberi hak kepada kita untuk menjalankan tiga penerbangan seminggu ke Calcutta. Poad masa ini, kita tidak mempunyai penerbangan terus ke Calcutta. Kita juga akan menambah penerbangan ke Hyderabad daripada sekali seminggu kepada tiga kali seminggu, katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini hari ini.

Penerbangan ke Bangalore pula ditambah kepada tiga penerbangan seminggu daripada dua penerbangan sekarang manakala penerbangan ke New Delhi kekal dengan empat penerbangan seminggu.

Walaupun jumlah penerbangan ke Chennai tidak ditambah iaitu tujuh penerbangan seminggu, perjanjian itu membenarkan Penerbangan Malaysia meningkatkan jenis pesawat ke laluan itu daripada Airbus kepada 747.

"Menjelang Jun, empat daripada tujuh penerbangan ke Chennai akan menggunakan pesawat jenis 747 manakala mulai November, kesemua tujuh penerbangan akan menggunakan pesawat 747," kata Dr Ling.

Beliau berkata setiap pesawat 747 boleh menampung lebih 100 penumpang tambahan berbanding pesawat Airbus.

Dr Ling berkata hubungan kerja yang rapat antara India dan Malaysia merupakan faktor utama perjanjian itu berjaya ditandatangani.

"India merupakan negara yang berkembang pesat dan semakin ramai rakyat India berkunjung ke Malaysia bagi meneroka potensi negara ini dan dalam masa yang sama rakyat Malaysia juga kerap melawat India, jadi adalah bijak kita meningkatkan kekerapan penerbangan," katanya.

Dr Ling berkata sebelum melawat India, beliau berkunjung ke Dubai dan mengadakan perbincangan dengan pihak berkuasa pelabuhan Dubai yang menjalin hubungan rapat dengan Pelabuhan Klang.

"Saya juga mengikuti Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) ke Lubnan. Saya mengadakan perbincangan bermakna dengan rakan sejawatan saya Najib Mikity dan kami memperkukuhkan perjanjian langit terbuka yang terjalin dengan Beirut," katanya.

Dr Ling berkata menerusi perjanjian langit terbuka dengan Lubnan, Penerbangan Malaysia boleh menjalankan perkhidmatan tanpa had ke mana-mana destinasi di negara itu.

-- BERNAMA

SR SHI AZH LAT